



SEJARAH MEMBENTUK PERPADUAN DAN JATI DIRI REMAJA

Dari segi etimologi, perkataan sejarah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *sajaratun* yang bererti pokok. Dalam bahasa Inggeris pula, sejarah disebut sebagai *history*, manakala dalam bahasa Perancis disebut sebagai *historie*. Secara umumnya, sejarah merujuk kejadian atau peristiwa yang telah atau benar-benar berlaku pada masa lalu. Masa lalu tersebut merupakan sumber penting bagi manusia untuk mengambil pengajaran dan iktibar berdasarkan peristiwa yang telah berlaku bagi menjalani kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

Membentuk perpaduan dan jati diri

Berdasarkan peranannya yang amat besar, terdapat keperluan penting untuk memahami sejarah dalam mengukuhkan ikatan perpaduan dan jati diri bangsa terutamanya bagi Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa. Dalam hal ini, perpaduan dapat menjamin keutuhan negara, sementara jati diri menjadikan sesuatu bangsa berkeperibadian tinggi dan dipandang mulia. Hal ini demikian kerana jati diri sangat berkait rapat dengan akhlak seseorang. Oleh itu, kegagalan memahami susur galur sejarah negara akan menjerumuskan anak bangsa, khususnya remaja ke dalam kancah perbalahan dan persengketaan kaum yang amat merugikan.

Pada tahun 1918 hingga tahun 1978, mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan di Tanah Melayu dan dikenali sebagai Tawarikh. Selepas itu, nama mata pelajaran ini telah ditukar kepada Sejarah, dan kekal hingga kini. Pada tahun 1989, mata pelajaran Sejarah mula dijadikan sebagai subjek teras di sekolah menengah dari tingkatan satu hingga tingkatan lima dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Tujuannya adalah untuk meningkatkan pengetahuan tentang sejarah dan memupuk nilai patriotisme dalam kalangan murid serta mengeratkan perpaduan kaum dan meningkatkan jati diri, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu melahirkan insan

yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Pada tahun 2013, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerusi Surat Pekeliling Bil. 3 Tahun 2011, pada 8 Ogos 2011. Langkah ini merupakan satu daripada usaha yang tepat dan bijak bagi memupuk perpaduan dan jati diri dalam kalangan remaja untuk menangani pelbagai isu yang timbul berkaitan dengannya. Pada tahun 2014, langkah ini diperkukuh dengan memperkenalkan mata pelajaran Sejarah sebagai subjek teras di sekolah rendah, bertujuan untuk memupuk jati diri dan semangat perpaduan murid sejak dari kecil.

Perkara ini kemudiannya diperluaskan lagi hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) melalui kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Kursus sejarah ini bermula pada tahun 1998 bagi pelajar di IPTA dan bagi pelajar di IPTS bermula pada tahun 2013. Dalam hal ini, semua pelajar daripada pelbagai bidang telah diwajibkan untuk mengambil kursus sejarah, sebagai syarat untuk graduan tamat pengajian. Selain sebagai syarat wajib untuk graduan tamat pengajian, kursus ini juga penting untuk mengukuhkan perpaduan kaum dan jati diri dalam kalangan remaja.

Sejarah dapat memupuk perpaduan dan jati diri melalui beberapa cara berdasarkan isi kandungannya. Yang pertama, belajar sejarah dapat memupuk semangat patriotik melalui kisah tokoh yang ditampilkan. Kedua, pemahaman tentang kandungan sejarah dapat memandu remaja memahami landskap politik negara. Ketiga, sejarah dapat membuka ruang untuk mempelajari kesilapan pada masa lalu agar tidak mengulangnya pada masa hadapan. Keempat, sejarah mengajar remaja

menghargai budaya dan warisan negara, serta kelima, penghayatan tentang nilai sejarah berupaya memelihara kedaulatan negara. Kesemua perkara ini jelas ditunjukkan dalam sukatan mata pelajaran yang diajarkan kepada pelajar daripada pelbagai peringkat pengajian.

Kepentingan sejarah

1

Memupuk semangat patriotik melalui kisah tokoh yang ditampilkan.

2

Memandu remaja memahami landskap politik negara.

3

Mempelajari kesilapan pada masa lalu agar tidak mengulangnya pada masa hadapan.

4

Menghargai budaya dan warisan negara.

5

Memelihara kedaulatan negara.

Pada tahun 1989, mata pelajaran Sejarah mula dijadikan sebagai subjek teras di sekolah menengah dari tingkatan satu hingga tingkatan lima dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).





Namun begitu, minat dan kecenderungan sebenar murid terhadap sejarah dan jati diri di luar konteks akademik adalah sangat tinggi. Contohnya melalui filem sejarah *Mat Kilau* yang mendapat sokongan hebat daripada golongan remaja dan belia.

Oleh itu, KPM dalam proses mengkaji dan mencari pendekatan intervensi bagi mengurangkan kegagalan calon SPM dalam mata pelajaran Sejarah. KPM mencadangkan agar tumpuan diberikan terhadap pembangunan pendekatan pengajaran kepada guru supaya penyampaian dan pengajaran mampu menarik minat murid. Mata pelajaran Sejarah tidak lagi boleh menggunakan pendekatan cakap dan tulis, iaitu kaedah yang formal dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang tumpuannya kepada papan hitam dan suara guru. Menurut definisi itu juga, kaedah ini bertentangan dengan aktiviti yang berpusatkan murid. Sehubungan dengan itu, KPM turut memikirkan pendekatan yang holistik berdasarkan pembelajaran abad ke-21 yang berpusatkan murid.

Meningkatkan minat remaja terhadap mata pelajaran Sejarah

Kepentingan sejarah dalam membentuk perpaduan dan jati diri remaja memang tidak dapat dinafikan lagi. Semua pihak yang terlibat boleh memainkan peranan untuk terus menjulang mata pelajaran Sejarah ke tahap yang lebih baik, selaras dengan peranannya yang kekal signifikan sepanjang masa.

Dalam menangani isu kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berpusatkan murid di dalam kelas, terdapat pelbagai kaedah baharu yang boleh diteroka. Terdapat beberapa kaedah pengajaran sejarah yang diminati oleh murid, antaranya termasuklah kaedah pembentangan, sesi soal jawab, perbahasan dan jalan galeri.


Dalam menangani isu kandungan mata pelajaran Sejarah, jawatankuasa khusus akan dibentuk untuk menyemak semula kurikulum sedia ada dan seterusnya membuat penambahbaikan dari aspek isi kandungannya. Topik pembelajaran yang akan digunakan berdasarkan semangat perpaduan negara bangsa berlandaskan fakta yang benar dan paling penting dapat menarik minat murid untuk berasa bangga terhadap sejarah yang dipelajarinya.

Seterusnya, dalam menangani isu kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berpusatkan murid di dalam kelas, terdapat pelbagai kaedah baharu yang boleh diteroka. Terdapat beberapa kaedah pengajaran sejarah yang diminati oleh murid, antaranya termasuklah kaedah pembentangan, sesi soal jawab, perbahasan dan jalan galeri, iaitu strategi pembelajaran melalui kaedah perbincangan yang memberikan ruang kepada murid untuk lebih memahami tentang sesuatu perkara atau topik pembelajaran. Kaedah ini boleh digunakan sebagai wadah untuk menilai pemahaman murid. Kaedah ini dapat memupuk pelbagai kemahiran baharu, meningkatkan motivasi dan minat serta meningkatkan pencapaian mereka dalam topik yang dipelajari.

Selain itu, kaedah pengajaran berasaskan lawatan ke tempat bersejarah dan muzium dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan murid melalui pengalaman sebenar. Bahkan teknik lakonan semula kisah sejarah melalui watak penting juga dapat meningkatkan penghayatan murid tentang topik tertentu dan mempelajari tokoh sejarah serta perjuangannya. Selain itu, melalui tontonan filem atau tayangan video bersejarah seperti *Mat Kilau* atau *Panglima Awang* juga dapat menarik minat murid untuk mengingati kisah perjuangan tokoh sejarah tersebut.

Secara keseluruhannya, antara semua perkara yang dinyatakan, perkara yang lebih penting ialah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah memaparkan peristiwa sejarah yang bersesuaian dengan semua kaum di Malaysia. Di samping itu, tumpuan juga diberikan terhadap kaedah penyampaian di dalam kelas dengan menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai dan pelbagai, selaras dengan teknik pengajaran

abad ke-21. Kebijaksanaan dalam perkara tersebut adalah penting supaya hasrat untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai medium pembentukan perpaduan dan jati diri remaja dapat dicapai. 🌟



Meningkatkan minat remaja terhadap mata pelajaran Sejarah

1

Menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai dengan teknik pengajaran abad ke-21.

2

Mengenal pasti kaedah pengajaran Sejarah yang diminati oleh murid, antaranya termasuklah kaedah pembentangan, sesi soal jawab, perbahasan dan jalan galeri.

3

Meningkatkan pemahaman dan pengetahuan murid melalui lawatan ke tempat bersejarah dan muzium.

4

Menggunakan kaedah tontonan filem atau tayangan video bersejarah untuk menarik minat murid.

5

Memaparkan peristiwa sejarah yang bersesuaian dengan semua kaum di Malaysia.